JUZU' KE-30
SURAH
AL-LAYL

SURAH KE

92

SURAH AL-LAYL

Surah Malam

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

21

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَغۡشَىٰ ١ وَٱلنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ٢

وَمَا خَلَقَ ٱلذَّكَرَ وَٱلۡأُنثَىٰٓ ٣ إِنَّ سَعۡيَكُمۡ لَشَتَّىٰ ٤

فَأَمَّا مَنۡ أَعۡطَىٰ وَٱتَّقَىٰ ٥ وَصَدَّقَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ٦

فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡيُسۡرَىٰ ٧ وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسۡتَغۡنَىٰ ٨

وَكَذَّبَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ٩ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡعُسۡرَىٰ ١٠

وَمَا يُغۡنِي عَنۡهُ مَالُهُۥٓ إِذَا تَرَدَّىٰٓ ١١

إِنَّ عَلَيۡنَا لَلۡهُدَىٰ ١٢ وَإِنَّ لَنَا لَلۡأٓخِرَةَ وَٱلۡأُولَىٰ ١٣

فَأَنذَرۡتُكُمۡ نَارًا تَلَظَّىٰ ١٤

لَا يَصۡلَىٰهَآ إِلَّا ٱلۡأَشۡقَى ١٥

ٱلَّذِي كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ١٦ وَسَيُجَنَّبُهَا ٱلۡأَتۡقَى ١٧

ٱلَّذِي يُؤۡتِي مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ١٨

وَمَا لِأَحَدٍ عِندَهُۥ مِن نِّعۡمَةٖ تُجۡزَىٰٓ ١٩

إِلَّا ٱبۡتِغَآءَ وَجۡهِ رَبِّهِ ٱلۡأَعۡلَىٰ ٢٠

وَلَسَوۡفَ يَرۡضَىٰ ٢١

"Demi malam ketika ia menyelubungi (bumi)(1). Dan demi siang ketika ia terserlah terang-benderang(2). Dan demi makhluk ciptaan-Nya lelaki dan perempuan(3). Sesungguhnya amal usaha kamu itu berlain-lainan(4). Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5).Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan(7). Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran(10).Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan(11). Sesungguhnya di atas Kamilah tugas menerangkan jalan hidayat(12). Dan sesungguhnya Kamilah yang memiliki alam Akhirat dan alam dunia(13). Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat(15).Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman(16). Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa(17). Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri(18). Dan bukan kerana dia menanggung budi kepada seseorang yang wajib dibalas(19). Melainkan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi(20). Dan dia kelak akan berpuas hati."(21).

Dalam sebuah frem yang menggambarkan pemandangan-pemandangan alam dan tabi'at manusia, surah ini menjelaskan hakikat amalan dan balasan. Oleh sebab hakikat amalan dan balasan ini beraneka bentuk sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat-ayat (4 - 10):

إِنَّ سَعۡيَكُمۡ لَشَتَّىٰ ٤ فَأَمَّا مَنۡ أَعۡطَىٰ وَٱتَّقَىٰ ٥

وَصَدَّقَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ٦ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡيُسۡرَىٰ ٧

"Sesungguhnya amal usaha kamu itu berlain-lainan(4). Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan."(7)

وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسۡتَغۡنَىٰ ٨ وَكَذَّبَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ٩

فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡعُسۡرَىٰ ١٠

"Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran."(10)

maka akibatnya di Akhirat juga beraneka bentuk, dan berbeza-beza mengikut amalan dan tujuan. Ini dijelaskan dalam ayat-ayat (14 - 18):

فَأَنذَرۡتُكُمۡ نَارًا تَلَظَّىٰ ١٤

لَا يَصۡلَىٰهَآ إِلَّا ٱلۡأَشۡقَى ١٥

ٱلَّذِى كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٦﴾ وَسَيُجَنَّبُهَا ٱلْأَتْقَى ﴿١٧﴾
ٱلَّذِى يُؤْتِى مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

"Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat(15). Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman(16). Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa(17). Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri."(18)

Dan oleh sebab fenomena-fenomena hakikat ini mempunyai dua jenis dan dua arah tujuan, maka frem yang dipilih untuk menggambarkannya di permulaan surah ini juga mempunyai dua jenis, sama ada pada kejadian alam buana atau pada kejadian manusia. Ini dijelaskan dalam ayat-ayat (1 - 3):

"Demi malam ketika ia menyelubungi (bumi)(1). Dan demi siang ketika ia terserlah terang-benderang(2). Dan demi makhluk ciptaan-Nya lelaki dan perempuan."(3)

Inilah di antara keselarasan yang indah di dalam pengungkapan Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

"Demi malam ketika ia menyelubungi (bumi)(1). Dan demi siang ketika ia terserlah terang-benderang(2). Dan demi makhluk ciptaan-Nya lelaki dan perempuan."(3)

Allah S.W.T. bersumpah dengan malam dan siang dengan sifat-sifat-Nya masing-masing, iaitu malam dengan gelap-gelitanya yang menyelubungi bumi, dan siang dengan cahayanya yang terang benderang yang menampak jelas segala sesuatu. Kedua-duanya merupakan dua waktu yang bertentangan dalam peredaran cakerawala iaitu, kedua-duanya bertentangan dari segi rupa, sifat dan kesan. Demikian juga Allah bersumpah dengan penciptaan-Nya yang telah mengadakan dua jenis manusia yang bertentangan, iaitu lelaki dan perempuan, untuk melengkapkan imbangan fenomena-fenomena yang bertentangan di dalam suasana surah ini dan semua hakikat-hakikatnya.

Di Sebalik Kejadian Malam Dan Siang

Malam dan siang merupakan dua fenomena yang meliputi segalanya. Kedua-duanya masing-masing menyampaikan makna dan saranannya kepada hati manusia, dan kedua-duanya juga masing-masing menyampaikan maknanya ketika seseorang itu memikirkannya dan merenungi rahsia-rahsia di sebaliknya dengan teliti. Perubahan malam dan siang membawa kesan-kesan yang spontan kepada jiwa manusia apabila malam gelap-gelita dan siang terang benderang. Dan setiap perubahan itu mempunyai cerita dan saranan masing-masing, iaitu cerita rahsia-rahsia alam yang majhul dan cerita mengenai gejala-gejala ini yang tidak, dapat dikuasai manusia, dan saranan yang menunjukkan bahawa di sebalik perubahan malam dan siang itu terdapat kuasa Ilahi yang memutarkan waktu-waktu alam sebagaimana diputarkan roda yang ringan, juga saranan yang menunjukkan bahawa di alam ini terdapat perubahan dan pertukaran yang tidak pernah tetap.

Makna malam dan siang ketika direnung dan difikir menunjukkan dengan pasti bahawa di sana adanya tangan qudrat yang lain yang mengendalikan cakerawala ini dan mengubahkan siang dan malam dengan peraturan yang serapi ini. Qudrat yang mengatur peredaran cakerawala itulah qudrat yang mengaturkan kehidupan manusia. Mereka tidak ditinggalkan sia-sia (tanpa balasan) sebagaimana juga mereka tidak diciptakan kosong (tanpa tujuan).

Biar bagaimanapun percubaan yang dilakukan oleh para pengingkar dan para penyesat untuk menolak hakikat ini dan mengalihkan pandangan-pandangan manusia dari mengamatinya, namun hati manusia tetap berhubung dengan alam buana ini dan menerima saranan-saranannya, memerhati perubahan-perubahannya dan memahami secara spontan - setelah berfikir dengan mendalam - bahawa di sana ada satu kuasa pentadbir yang pasti dirasa dan diakui kewujudannya di sebalik pendapat-pendapat yang karut dan sikap yang menolak dan mengingkarkannya.

Di Sebalik Kejadian Lelaki Dan Perempuan

Begitu juga penciptaan jenis lelaki dan perempuan atau jantan dan betina. Penciptaan jenis pada manusia dan binatang-binatang mamalia itu bermula dengan setitis nutfah yang menetap dalam rahim atau dengan satu sel dari lelaki yang bersatu dengan sebiji telur perempuan, tetapi mengapakah pada akhir perkembangannya tidak sama, yang ini menjadi lelaki dan yang itu menjadi perempuan. Siapakah yang memerintah begitu? Penemuan faktor-faktor yang menjadikan nutfah ini lelaki dan nutfah itu perempuan tidak mengubahkan hakikat, kerana yang menjadi pokok pertanyaan, mengapa faktor-faktor itu wujud pada nutfah ini dan tidak wujud pada nutfah yang lain? Bagaimana kejadian lelaki dan perempuan (betina dan jantan) ini merupakan kejadian yang selaras dengan garis perjalanan hidup dan menjamin kesinambungan hidup melalui proses beranak-pinak sekali lagi? Adakah ini berlaku secara kebetulan? Tetapi kebetulan juga mempunyai undang-undangnya, dan mustahil segala-galanya berlaku secara kebetulan. Mahu tidak mahu pasti diakui bahawa di sana ada Tuhan Pentadbir yang

menciptakan lelaki dan perempuan kerana tujuan dan matlamat yang tertentu. Kebetulan dan kejadian secara otomatis sama sekali tidak mempunyai tempat dalam peraturan alam ini.

Jantan dan betina meliputi semua haiwan yang bukan mamalia, dan berlaku pada semua hidup-hidupan termasuk tumbuh-tumbuhan. Seluruhnya mengikut satu peraturan yang sama. Hanya Allah sahaja yang tunggal dan tiada suatu yang sebanding dengan-Nya.

Inilah beberapa saranan dari pemandangan-pemandangan alam. Dan hakikat kejadian manusia yang menjadi bahan sumpah Ilahi dalam surah ini mempunyai makna yang amat besar dan tujuan yang amat mendalam. Al-Qur'an telah menjadikan hakikat ini sebagai frem untuk menjelaskan hakikat amalan dan balasan dalam kehidupan dunia dan Akhirat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 11)

Hakikat Amalan Dan Balasan

Tujuan Allah bersumpah dengan malam dan siang, lelaki dan perempuan selaku hakikat-hakikat yang bertentangan dalam kejadian alam dan kejadian manusia ialah untuk menjelaskan bahawa usaha dan amalan manusia itu berlain-lainan dan cara usaha dan amalan mereka juga berlain-lainan, kerana itu balasan yang akan diterima mereka juga berlain-lainan. Usaha yang baik tidak sama dengan usaha yang jahat. Hidayat tidak sama dengan kesesatan, yang baik tidak sama dengan yang rosak, orang yang memberi derma ke jalan Allah dan bertaqwa tidak sama dengan orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari kaya, orang yang percaya kepada 'aqidah yang paling indah dan beriman tidak sama dengan orang yang tidak percaya kepadanya dan berpaling dari iman. Masing-masing mempunyai jalan dan kesudahannya yang tersendiri dan masing-masing akan menerima balasan yang setimpal:

إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَتَّىٰ ﴿٤﴾ فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ﴿٥﴾

وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾ فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya amal usaha kamu itu berlain-lainan(4). Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan."(7)

وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾

فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْعُسْرَىٰ ﴿١٠﴾

وَمَا يُغْنِي عَنْهُ مَالُهُ إِذَا تَرَدَّىٰ ﴿١١﴾

"Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran(10). Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan."(11)

Perbezaan Amalan

Yakni amalan dan usaha kamu itu berbeza-beza dan berlain-lainan dari segi hakikatnya, dari segi motifnya, dari segi arah tujuannya dan dari segi hasilnya. Manusia di bumi ini berbeza-beza dan tidak sama dari segi tabi'at dan kecenderungan masing-masing, dan tidak sama dari segi fikiran dan minat masing-masing hingga setiap orang seolah-olah merupakan sebuah dunia yang tersendiri yang hidup di sebuah planet tersendiri.

Seluruh Manusia Dikumpulkan Dalam Dua Golongan Yang Mempunyai Cara Hidup Yang Berbeza

Ini merupakan satu hakikat, tetapi di sana ada lagi satu hakikat yang lain iaitu hakikat umum yang merangkuli seluruh manusia dan seluruh alam yang berlainan itu di mana keseluruhan manusia itu dikumpulkan dalam dua golongan atau dua barisan yang mempunyai panji-panji masing-masing, iaitu golongan:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾

"Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah."(6)

Dan golongan:

وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾

"Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah."(9)

Itulah golongan yang sanggup mengorbankan diri dan hartanya ke jalan Allah dan sentiasa memelihara diri dari kemurkaan dan 'azab Allah serta teguh percaya kepada 'aqidah Islam yang paling indah, iaitu satu 'aqidah apabila disebut الحسنى (paling indah), maka itulah namanya dan lambangnya. Itulah golongan yang bakhil untuk mengorbankan diri dan harta kekayaannya ke jalan Allah, dan merasa berdikari tidak perlu kepada Allah dan hidayat-Nya serta tidak percaya kepada 'aqidah Islam yang paling indah.

Nasib Kesudahan Golongan Dermawan Dan Budiman

Inilah dua barisan manusia yang menjadi tempat pertemuan berbagai-bagai jiwa dan usaha, berbagai-bagai cara hidup dengan berbagai-bagai matlamatnya, masing-masing mempunyai jalan sendiri dan masing-masing mempunyai kemudahannya:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾

فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾

"Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan."(7)

Mereka yang berkorban kerana Allah dan bertaqwa serta berpegang teguh dengan 'aqidah yang paling indah bererti ia telah melakukan segala-galanya untuk membersih dan membawa dirinya ke jalan Allah, dan ketika itu wajarlah ia menerima pertolongan dan taufiq yang telah disanggupi Allah dengan kehendak iradat-Nya, kerana tanpa pertolongan dan taufiq-Nya, manusia tidak mampu melakukan sesuatu pun.

Sesiapa yang diberikan Allah kemudahan ke arah kesenangan bererti ia telah sampai kepada Allah dengan mudah selesa semasa berada di bumi ini lagi di mana ia hidup dalam kesenangan dan melimpahkan kesenangannya ke atas mereka yang ada di sekelilingnya. Ia mendapat kemudahan dalam segala langkah hidupnya dan kemudahan dalam mengendalikan semua urusannya dan mendapat taufiq yang tenteram dalam semua perkara sama ada kecil atau besar. Kesenangan itu merupakan satu darjat yang mengandungi segala sesuatu yang baik, dan ia meletakkan seseorang sejajar dengan Rasulullah s.a.w. untuk menerima janji Allah kepada beliau:

فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾

وَكَذَّبَ بِٱلْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْعُسْرَىٰ ﴿١٠﴾

وَمَا يُغْنِى عَنْهُ مَالُهُۥٓ إِذَا تَرَدَّىٰٓ ﴿١١﴾

"Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan(7).[1] *Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran(10). Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan."(11)*

Nasib Kesudahan Golongan Bakhil Dan Tidak Beriman

Orang yang bakhil untuk mengorbankan diri dan hartanya ke jalan Allah dan merasa berdikari tidak perlu kepada Allah dan hidayat-Nya serta tidak percaya kepada da'wah Allah dan agama-Nya, bererti ia telah sampai ke puncak kerosakan dan wajarlah ia mendapat balasan dari Allah iaitu balasan menerima kesulitan, kesukaran dan kepayahan dalam segala perkara. Ia akan melorongkannya terjerumus ke dalam segala kesulitan dan kesukaran, ia akan memudahkannya ke setiap jalan yang menyulitkannya, dan akan menghapuskan segala kemudahan dan kesenangan untuknya. Ia akan menjadikan setiap langkahnya menempuh kepayahan dan menyeleweng dari jalan yang benar. Dan ia akan membawanya mendaki jalan kecelakaan walaupun ia merasa bahawa ia sedang menuju ke jalan kejayaan. Ia akan rebah dan jatuh sekali demi sekali yang menjauhkannya dari jalan Allah. Ia akan terus jauh dari jalan Allah dan dari keredhaan-Nya. Dan apabila ia terhumban jatuh di penghabisan jalan kesesatan dan penyelewengannya, maka segala harta kekayaan, yang amat disayanginya dan yang membuat dirinya merasa berdikari tidak berhajat kepada Allah dan hidayat-Nya itu, tidak lagi berguna kepadanya:

وَمَا يُغْنِى عَنْهُ مَالُهُۥٓ إِذَا تَرَدَّىٰٓ ﴿١١﴾

"Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan."(11)

Mendapat lorongan dan kemudahan untuk melakukan kejahatan dan maksiat termasuk dalam pengertian memberi kemudahan untuk terjerumus ke dalam kesukaran walaupun di dunia ia berjaya dan terselamat. Apakah di sana ada lagi sesuatu yang lebih dahsyat kesulitannya dari Neraka Jahannam? Neraka itulah, kesulitan dalam ertikata yang sebenarnya.

Demikianlah berakhirnya bahagian pertama surah ini, dan dari bahagian ini ternyatalah bahawa di sana terdapat dua jalan yang diikuti manusia di setiap zaman dan tempat. Kedua-dua jalan itu merupakan dua golongan atau dua panji-panji yang berlainan walaupun bentuk dan warnanya beraneka ragam. Setiap orang berbuat untuk dirinya apa yang dipilih olehnya, dan Allah akan memberi kemudahan kepadanya untuk menuju ke jalan pilihannya, sama ada jalan kesenangan atau ke jalan kesukaran.

Bahagian yang kedua dari surah ini pula memperkatakan tentang nasib yang akan diterima oleh setiap golongan itu, atau tentang kesudahan mereka yang diberikan kemudahan untuk mendapat kesenangan dan kesudahan mereka yang diberikan kemudahan untuk terjerumus ke dalam kesukaran. Dan sebelum segala sesuatu, bahagian ini menjelaskan bahawa setiap balasan yang diterima oleh setiap golongan itu merupakan balasan yang adil dan benar serta tetap akan berlaku, kerana Allah telah pun menerangkan hidayat-Nya dengan jelas kepada manusia dan mengingatkan mereka terhadap 'azab Neraka yang berkobar-kobar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 21)

إِنَّ عَلَيْنَا لَلْهُدَىٰ ﴿١٢﴾ وَإِنَّ لَنَا لَلْءَاخِرَةَ وَٱلْأُولَىٰ ﴿١٣﴾

فَأَنذَرْتُكُمْ نَارًا تَلَظَّىٰ ﴿١٤﴾

لَا يَصْلَىٰهَآ إِلَّا ٱلْأَشْقَى ﴿١٥﴾

ٱلَّذِى كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya di atas Kamilah tugas menerangkan jalan hidayat(12). Dan sesungguhnya Kamilah yang memiliki alam Akhirat dan alam dunia(13). Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat(15). Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman."(16)

---

[1] *Lihat tafsir ayat* ونيسرك لليسرى *dalam Surah al-A'la.*

وَسَيُجَنَّبُهَا ٱلۡأَتۡقَى ﴿١٧﴾
ٱلَّذِي يُؤۡتِي مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾
وَمَا لِأَحَدٍ عِندَهُۥ مِن نِّعۡمَةٖ تُجۡزَىٰٓ ﴿١٩﴾
إِلَّا ٱبۡتِغَآءَ وَجۡهِ رَبِّهِ ٱلۡأَعۡلَىٰ ﴿٢٠﴾
وَلَسَوۡفَ يَرۡضَىٰ ﴿٢١﴾

"Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa(17). Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri(18). Dan bukan kerana dia menanggung budi kepada seseorang yang wajib dibalas(19). Melainkan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi(20). Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Allah telah mewajibkan ke atas diri-Nya - sebagai limpah kurnia dan rahmat kasihan belas dari-Nya terhadap hamba-hamba-Nya - memberi petunjuk kepada fitrah manusia dan kesedarannya, di samping menyampaikan hidayat itu menerusi para rasul atau menerusi agama-agama dan ayat-ayatnya supaya tiada seorang pun yang dapat berdalih dan supaya tidak berlaku sebarang kezaliman kepada sesiapa pun:

إِنَّ عَلَيۡنَا لَلۡهُدَىٰ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya di atas Kamilah tugas menerangkan jalan hidayat."(12)

Sentuhan yang kedua ialah penjelasan yang tegas tentang hakikat kuatkuasa Allah yang mengepung seluruh manusia hingga tiada tempat perlindungan selain dari-Nya:

وَإِنَّ لَنَا لَلۡأٓخِرَةَ وَٱلۡأُولَىٰ ﴿١٣﴾

"Dan sesungguhnya Kamilah yang memiliki alam Akhirat dan alam dunia."(13)

Dunia Dan Akhirat Terletak Di Bawah Kuasa Allah

Oleh itu, ke mana lagi orang yang ingin pergi jauh dari Allah? Dan sebagai hasil dari pernyataan bahawa Allah meletakkan ke atas diri-Nya tugas menjelaskan hidayat kepada para hamba-Nya, juga pernyataan bahawa Dialah yang memiliki negeri Akhirat dan alam dunia selaku dua negeri untuk menerima balasan dan untuk beramal, Allah mengingatkan mereka dengan keseksaan api Neraka:

فَأَنذَرۡتُكُمۡ نَارٗا تَلَظَّىٰ ﴿١٤﴾
لَا يَصۡلَىٰهَآ إِلَّا ٱلۡأَشۡقَى ﴿١٥﴾

"Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat."(15)

Orang Yang Paling Jahat

Api Neraka yang bernyala-nyala akan membakar manusia-manusia yang amat jahat, dan tidak ada sengsaraan yang lebih besar dari kesengsaraan dibakar dalam Neraka.

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan siapakah orang yang amat jahat itu:

ٱلَّذِي كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٦﴾

"Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman."(16)

Iaitu orang yang tidak percaya kepada da'wah Allah dan berpaling dari hidayat-Nya, sebagaimana yang telah dijanjikan Allah untuk memberi hidayat kepada siapa yang datang kepada-Nya dengan penuh minat:

Orang Yang Paling Bahagia

"Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa."(17)

Iaitu orang yang paling bahagia dan ia merupakan tandingan bagi orang yang paling jahat. Kemudian Allah menjelaskan, siapakah orang yang paling bertaqwa itu:

ٱلَّذِي يُؤۡتِي مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

"Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri."(18)

Iaitu manusia yang membelanjakan hartanya ke jalan Allah untuk membersihkan dirinya bukan kerana ria' dan bukan kerana bermegah-megah dan mendabik dada, manusia yang mengorbankan hartanya dengan sukarela bukan kerana membalas budi, bukan kerana menuntut terima kasih orang, malah semata-mata ikhlas kerana Allah Tuhannya Yang Maha Tinggi.

وَمَا لِأَحَدٍ عِندَهُۥ مِن نِّعۡمَةٖ تُجۡزَىٰٓ ﴿١٩﴾
إِلَّا ٱبۡتِغَآءَ وَجۡهِ رَبِّهِ ٱلۡأَعۡلَىٰ ﴿٢٠﴾

"Dan bukan kerana dia menanggung budi kepada seseorang yang wajib dibalas(19). Melainkan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi."(20)

Apakah yang ditunggu-tunggu dan diharapkan oleh insan yang bertaqwa dan berkorban sedemikian rupa? Balasan yang ditunjukkan oleh Al-Qur'an kepada orang-orang Mu'min itu amat menakjubkan, amat memeranjatkan dan luar biasa.

Ni'mat Kepuasan Hari Menerima Balasan

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Itulah kerelaan dan kepuasan hati yang mencurah di dalam hati orang yang bertaqwa. Itulah kepuasan yang menyelubungi jiwanya dan seluruh anggotanya. Itulah kerelaan yang menyerapi seluruh entitinya dan membasahi hidupnya. Itulah balasan dan ni'mat yang paling agung:

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Ia rela dan puas hati dengan agamanya, dengan Tuhannya dan qadha' qadarnya. Ia rela dan puas hati dengan nasibnya. Ia rela dan puas hati terhadap apa sahaja yang dialaminya, sama ada kesenangan atau kesusahan, kekayaan atau kemiskinan, kemudahan atau kesukaran. Kerana itu ia tidak gelisah, tidak bosan, tidak gopoh, tidak merasa memikul beban yang berat dan tidak merasa matlamat-matlamatnya masih jauh. Kerelaan dan kepuasan hati itu merupakan satu balasan yang paling besar yang wajar diperolehi oleh setiap orang yang memberi jiwa dan hartanya untuk membersihkan dirinya dan yang berkorban semata-mata kerana Allah Yang Maha Besar. Itulah balasan yang tidak dapat diberikan oleh sesiapa melainkan hanya Allah. Dia mencurahkan rasa kepuasan di dalam hati orang-orang yang ikhlas kepada-Nya yang tidak melihat siapa pun selain dari Allah.

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Ia berpuas hati kerana dia telah membayar harganya dan memberi sumbangannya.

Ini adalah satu pernyataan yang memeranjatkan dan sesuai di tempat ini, dan ia memang ditunggu-tunggu oleh orang yang bertaqwa yang mengorbankan harta untuk membersihkan dirinya, bukan untuk membalas budi, malah semata-mata kerana mencari keredhaan Allah Yang Maha Tinggi.

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

* * * * * *